

REAKSI ORANG MUDA

Berkesankah penguatkuasaan undang-undang ke atas pelaku fitnah dan pelemper tohmahan di alam siber?

"PELBAGAI undang-undang siber telah dikuatkuasakan oleh negara, namun penjenayah siber seolah-olah tidak takut akan undang-undang tersebut. Ada di antara mereka

memfitnah dan melemparkan tohmahan tanpa mengenal batas dan etika sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Pelan tindakan penguatkuasaan undang-undang siber harus disemak dengan teliti agar penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan siber menjadi lebih berkesan dan relevan sejajar dengan perkembangan teknologi."

MAZARINA AZWAR AWANG
Universiti Teknologi Malaysia



"SANGAT wajar sekiranya undang-undang dikenakan ke atas pelemper tohmahan kerana pada zaman moden ini terlalu mudah orang memfitnah dan melemparkan tohmahan. Penguatkuasaan jika dilakukan dapat mengatasi perlakuan tidak sihat ini dan dikurangkan, justeru melahirkan rakyat yang indah personalitinya."

MUHAMMAD AMIR HAKIM ABDUL WAHAB
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia



"SAYA berpendapat penguatkuasaan kurang berkesan apabila diaplikasikan kerana kebiasaannya mereka yang menabur fitnah menggunakan akaun palsu. Begitu juga dengan mereka yang menggunakan akaun sendiri, kurang berkesan kerana mereka mampu memalsukan perkara tersebut dengan membuat

laporan polis mengatakan akaun mereka digodam.

"Peratusan yang menggunakan laman sendiri yang akan mengaku salah adalah sangat sedikit. Tidak dinafikan mereka yang bersalah perlu dihukum mengikut undang-undang kerana fitnah yang dibuat boleh memecahbelahkan sesebuah negara, organisasi, kaum, keluarga dan sebagainya."

MUHAMMAD HANIF RAMLAN
Universiti Putra Malaysia



"BAGI saya kurang berkesan kerana masih terdapat ramai pengguna media sosial yang tanpa segan silu menyebarkan dan memberikan komen tanpa menyelidik terlebih dahulu. Seharusnya kerajaan mengetatkan lagi undang-undang berkaitan penyebaran maklumat-maklumat palsu dan pihak-pihak yang berkenaan sama ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau ahli keluarga sendiri perlu menerapkan nilai keagamaan dan nilai-nilai murni bagi mengurangkan fitnah berleluasa dan seterusnya dapat membendung masalah ini."

MUHAMMAD AMIRUDDIN WAHAB
Universiti Malaysia Kelantan



"PADA pandangan saya, tahap keberkesanan penguatkuasaan undang-undang ke atas pelaku fitnah dan pelemper tohmahan di alam siber agak tidak memuaskan. Hal ini kerana kita boleh melihat sendiri bagaimana agama, kaum, malah pemimpin negara sendiri dihina, dicaci dan difitnah oleh individu yang tidak bertanggungjawab dengan hanya segelintir sahaja daripada mereka dikenakan tindakan. Saya mengharapkan Suruhanjaya Komunikasi dan



Multimedia Malaysia (SKMM) perlu bekerjasama dengan pihak keselamatan negara bagi mengawal gejala ini sebelum menular kepada generasi baharu. Gunakanlah Internet secara berhemah."

MOHAMAD HAFIFI ABDUL DORAJI
Universiti Utara Malaysia

"PENGUATKUASAAN undang-undang adalah sangat berkesan dalam membanteras gejala negatif ini. Ironinya, golongan ini mudah menabur fitnah dan melempar tohmahan di alam siber atas landasan kebebasan mereka dalam menyuarakan sebarang bentuk kata-kata tanpa tapisan dan pemantauan yang berkesan. Melalui penguatkuasaan undang-undang seperti hukuman yang tegas, masyarakat akan lebih berhati-hati dalam mengutarakan kata-kata mahupun kritikan di alam siber."

FARIZAH ABDUL RAHMAN
Universiti Malaysia Perlis



"PENGUATKUASAAN tersebut berkesan tetapi perlu lebih diperketatkan, ditegaskan dan diperkemaskan lagi cara pelaksanaan undang-undang. Ini adalah kerana setiap insan perlu mengetahui terdapat undang-undang yang diperuntukkan terhadap pemfitnah dan golongan yang suka mengeluarkan kata-kata tanpa fakta di laman sosial. Cuma kerajaan perlu sentiasa memperingatkan kepada masyarakat bahawa wujud undang-undang yang boleh dikenakan kepada mereka sekiranya terlibat melakukan perkara negatif di laman sosial. Kita perlu memupuk sikap mengkaji sebelum menyatakan pendapat di laman sosial dalam kalangan anak-anak muda."

AZIAMY ABDUL AZIZ
Universiti Sultan Zainal Abidin

